

# Nor Yati Ahmad dilantik Akauntan Negara baharu


Bername  
September 18, 2023 16:15 MYT



Pelantikan Nor Yati (gambar) diumumkan Jabatan Akauntan Negara bagi menggantikan Datuk Dr Yacob Mustafa yang tamat kontrak perkhidmatan pada 2 Ogos lepas. - Foto Jabatan Akauntan Negara

**PUTRAJAYA:** Timbalan Ketua Akauntan Negara (Korporat) Nor Yati Ahmad dilantik sebagai Akauntan Negara yang baharu berkuat kuasa hari ini.

Pelantikan Nor Yati itu diumumkan Jabatan Akauntan Negara dalam kenyataan hari ini bagi menggantikan Datuk Dr Yacob Mustafa yang tamat kontrak perkhidmatan pada 2 Ogos lepas.



## Berita Terkini

Lagi



MALAYSIA

KPKM bincang dengan India sambung eksport beras ke Malaysia



MALAYSIA

SAR remaja dikhuatiri lemas di Teluk Senangin berdepan cabaran ombak besar, hujan



BISNES

Bursa Malaysia dibuka bercampur-campur seiring prestasi Wall Street yang lengang



MALAYSIA

Buruh binaan didakwa bunuh penjual pisang goreng



BISNES

Ringgit dibuka tinggi sedikit berbanding dolar AS, dijangka bergerak dalam julat sempit

"Jabatan Akauntan Negara ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan atas kepercayaan yang diberikan kepada Nor Yati bagi menggalas tugas dan amanah sebagai Akauntan Negara," menurut kenyataan itu.

Dapatkan  
berita terkini  
melalui emel  
anda



Emel Anda

DAFTAR

## Popular di Astro AWANI

1. Musa Hassan kahwini Qistina Lim ([https://www.astroawani.com/berita-malaysia/musa-hassan-kahwini-qistina-lim-438782?utm\\_source=embed-news-keyword&utm\\_medium=data-embed&utm\\_campaign=20230925%20Embed%20Berita%20Popular](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/musa-hassan-kahwini-qistina-lim-438782?utm_source=embed-news-keyword&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20230925%20Embed%20Berita%20Popular))
2. Seorang maut, van bawa pelancong Singapura jatuh cerun di Balik Pulau ([https://www.astroawani.com/berita-malaysia/seorang-maut-van-bawa-pelancong-singapura-jatuh-cerun-di-balik-pulau-438844?utm\\_source=embed-news-keyword&utm\\_medium=data-embed&utm\\_campaign=20230925%20Embed%20Berita%20Popular](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/seorang-maut-van-bawa-pelancong-singapura-jatuh-cerun-di-balik-pulau-438844?utm_source=embed-news-keyword&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20230925%20Embed%20Berita%20Popular))
3. PRK: Usah buat perangai di Pelangai, kata pengundi ([https://www.astroawani.com/berita-politik/prk-usah-buat-perangai-di-pelangai-kata-pengundi-438807?utm\\_source=embed-news-keyword&utm\\_medium=data-embed&utm\\_campaign=20230925%20Embed%20Berita%20Popular](https://www.astroawani.com/berita-politik/prk-usah-buat-perangai-di-pelangai-kata-pengundi-438807?utm_source=embed-news-keyword&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20230925%20Embed%20Berita%20Popular))

Surat pelantikan Nor Yati sebagai Akauntan Negara disampaikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Dr Zulkapli Mohamed di Jabatan Perkhidmatan Awam di sini hari ini.

Nor Yati yang mempunyai kelulusan Master Of Accountancy And Finance dari University Of Adelaide, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), mula menyertai sektor awam pada 1995 sebagai Akauntan di Jabatan Akauntan Negara cawangan Kuala Lumpur.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Nor Yati berkhidmat di Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) Jabatan Akauntan Negara sejak 2011 dan dilantik sebagai pengarahnya pada 2018.

PPPA bertanggungjawab dalam transformasi daripada perakaunan asas tunai ubah suai kepada perakaunan asas akruan sektor awam selaras dengan yang digariskan dalam Model Ekonomi Baharu 2010 yang antaranya membantu meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan khususnya dalam Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor awam amnya.

-- BERNAMA

### Cara lain mengikuti berita kami

- *Telegram*  
(<http://bit.ly/37LkRRB>)

#Nor Yati Ahmad #Akauntan Negara #pelantikan #jabatan akauntan negara  
#Yacob Mustafa